

28 Mei 2009 (Khamis)

Sentral: Pengusaha feri di jeti JLM lega pemecah ombak siap

Oleh Noraziah Othman bhnews@bharian.com.my

Projek RM14j elak kerosakan bot, beri keselesaan

PORT DICKSON: Pengusaha feri dan bot kecil yang berlabuh di Jeti Penumpang Jabatan Laut Malaysia (JLM), di sini, kini mampu menghela nafas lega apabila projek pengerukan dan pemecah ombak bernilai RM14 juta yang dibina sejak kira-kira tiga tahun lalu siap. Ketua Pengarah JLM, Datuk Ahmad Othman, berkata projek yang dibina dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) itu bertujuan memberi keselesaan kepada pengusaha feri dan bot kecil berlabuh di jeti berkenaan.

"Kita menerima banyak aduan daripada pengusaha feri dan bot kecil mengenai kerosakan feri dan bot mereka ketika berlabuh di jeti ini akibat arus yang kuat, terutama ketika musim angin monsun barat bertiup ke sini. "Jadi, kita berharap dengan siapnya projek ini akan dapat mengatasi masalah yang dihadapi mereka, selain menjamin keselamatan dan keselesaan penumpang," katanya pada majlis penyerahan projek itu, di sini, kelmarin. Hadir sama, Pengarah Laut Wilayah Tengah, Hazman Hussein.

Ahmad berkata, mengikut statistik, kira-kira 5,000 penumpang feri menggunakan jeti berkenaan setiap bulan dengan tujuh pengusaha feri dan bot beroperasi serta mengendalikan perkhidmatan di perairan itu. Sementara itu, Pengusaha Feri Acob Ekspres, Yaakob Husin, berkata pembinaan projek pemecah ombak berkenaan memang diperlukan bagi membolehkan pengusaha dapat menurun dan mengambil penumpang dengan selamat dan selesa. "Ombak kuat menyebabkan feri sentiasa melambung dan berada dalam keadaan tidak stabil yang boleh membahayakan penumpang yang turun atau menaiki feri. Jadi, siapnya projek ini lebih menjamin keselamatan dan keselesaan penumpang. "Ia juga dapat mengurangkan kerosakan dinding feri yang dialami pengusaha ketika berlabuh di jeti ini," katanya yang mengendalikan perkhidmatan feri ke Dumai, Indonesia.

29 Mei 2009 (Jumaat)

Lembaga Pelabuhan Klang lapor SPRM

PELABUHAN KLANG: Lembaga Pelabuhan Klang (PKA) akan membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung laporan audit Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ), hari ini. Pengerusnya, Datuk Lee Hwa Beng, berkata beliau

sendiri akan membuat laporan kepada SPRM di Putrajaya, pada jam 8 pagi ini. Ditanya mengenai perkara yang akan dilaporkan, beliau hanya meminta pihak media membacanya sendiri kerana laporan yang disediakan firma perakaunan dan percukaian Pricewaterhouse Coopers (PwC) itu tebal.

"Laporan boleh diakses menerusi laman web di alamat www.pka-report.com, selama dua minggu iaitu sehingga 10 Jun. Ia boleh diakses dua minggu saja kerana kami terpaksa menyewa pelayan dari luar dan membabitkan kos yang tinggi," katanya pada sidang media di bilik yang penuh sesak dengan petugas media di PKA di sini, semalam. Hadir sama Pengarah Urusan PwC, Chin Kwai Fatt dan rakan kongsi PwC, Lim San Peen, untuk mengesahkan laporan tulen dan diumumkan sepenuhnya. Lee berkata, kebiasaannya PwC tidak membenarkan laporan mereka diumumkan kepada awam dan berikutan itu firma berkenaan mengeluarkan laporan dengan tiga syarat.

Syarat pertama ialah pembaca tidak dibenarkan menggunakan atau bergantung kepada laporan itu untuk membuat sebarang kesimpulan. Syarat kedua ialah laporan disediakan untuk PKA dan tugas PwC adalah untuk PKA saja dan tidak bertanggung jawab kepada mana-mana pihak lain. Syarat ketiga pula PwC tidak wajib menjawab soalan mengenai laporan itu.

29 Mei 2009 (Jumaat)

Kos RM12.4b jika tak lunas hutang

PELABUHAN KLANG: Kos bagi melaksanakan projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) dijangka melonjak kepada RM12.453 bilion jika Lembaga Pelabuhan Klang (PKA) gagal menjelaskan bayaran ansuran pinjaman Kementerian Kewangan mengikut jadual. Laporan audit mengenai PKFZ yang disediakan Pricewaterhouse Coopers (PwC) menyatakan PKA akan menanggung kos faedah tambahan kira-kira RM5 bilion jika bayaran ansuran ditangguhkan untuk dipadankan dengan unjuran aliran tunai.

Mengikut laporan yang didedahkan kepada umum semalam, Kabinet meluluskan projek PKFZ mengikut model Zon Bebas Jebel Ali di Dubai, pada Mac 1999, tetapi kos meningkat dari RM1.957 bilion pada 2001/2002 kepada RM3.522 bilion pada 2008, tidak termasuk faedah. Jika mengambil kira kos faedah, jumlahnya boleh mencecah RM7.453 bilion. Laporan itu juga menyebut PKA memeterai beberapa perjanjian dengan Kuala Dimensi Sdn Bhd (KDSB) untuk membeli tanah dan memajukan projek itu secara turnkey dengan kos anggaran asal pada 2001 RM1.957 bilion.

29 Mei 2009 (Jumaat)

'Batu-batu jatuh macam hujan'



ANGGOTA penyelamat mengeluarkan mangsa yang tertimbus di bawah runtuhan bekas pusat beli-belah Jaya yang dalam baik pulih di Jalan Semangat dekat Seksyen 14, Petaling Jaya, semalam.

Pemandu jentolak maut dihempap bongkah konkrit bangunan runtuh

PETALING JAYA: "Saya melihat satu bongkah konkrit yang sangat besar menghempap rakan saya serta jentolak yang dipandunya ketika saya lari menyelamatkan diri," kata Andy, 30, seorang buruh yang terselamat dalam kejadian bangunan empat tingkat runtuh di Jalan Semangat, Seksyen 14 di sini, petang semalam.

Warga Indonesia yang baru 20 hari bekerja di tapak bangunan yang diubah suai itu, berkata dia hanya mampu memikirkan keselamatan diri apabila melihat tingkat atas bangunan mulai runtuh dalam masa kurang lima minit. "Kira-kira 20 pekerja termasuk saya sedang berehat di tingkat satu ketika saya menawarkan diri untuk keluar membeli air di kedai berhampiran. "Ketika bangun untuk mengutip duit daripada mereka, saya tiba-tiba merasa deruan angin sangat kuat. Saya mendongak dan terkejut melihat tingkat atas mulai runtuh," katanya.



BEBERAPA jentera berat yang berada di tingkat atas bangunan turut tertimbus dalam kejadian semalam.

Ketika melarikan diri, beliau ternampak rakannya yang memandu jentolak di tingkat satu bangunan itu terjun menyelamatkan diri namun dihempap bongkah konkrit besar. Sementara itu, Bernama melaporkan seorang saksi, Syed Mohammad Aidid Syed Ahmad

Aidid, 41, berkata beliau mendengar dentuman kuat seperti guruh ketika kejadian. "Bangunan itu betul-betul di sebelah kiri saya. Saya nampak batu-batu jatuh atas kereta saya seperti hujan batu dengan debu berterbangan ke merata tempat,". Mohammad Aidid, berkata ketika kejadian, beliau baru saja meninggalkan bangunan Digital Mall bersebelahan bangunan runtuh itu untuk ke pejabatnya di Phileo Damansara.

29 Mei 2009 (Jumaat)

JKR siasat punca runtuh

PETALING JAYA: Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Lajim Ukin, berkata siasatan awal mendapati runtuh bangunan empat tingkat yang dalam proses pengubahsuaian di Seksyen 14, di sini semalam berpunca daripada bebanan berlebihan di bahagian atas bangunan itu. Sehubungan itu, beliau berkata, siasatan menyeluruh akan dilakukan, termasuk melihat kemungkinan projek itu tidak mematuhi piawaian yang ditetapkan.

"Maklumat awal mengatakan ada lapan jentera pelbagai fungsi di tingkat paling atas bangunan ketika proses pengubahsuaian dan meruntuh. "Ia mungkin salah satu faktor utama menyebabkan struktur bangunan itu menjadi tidak kukuh lalu runtuh dan menghempap pekerja," katanya ketika meninjau lokasi kejadian. Menteri Kerjaraya, Datuk Shaziman Abu Mansor pula berharap semua pihak tidak membuat spekulasi dan siasatan punca kejadian akan dilakukan pasukan forensik Jabatan Kerja Raya apabila kerja mencari dan menyelamatkan selesai di Hulu Langat, Selangor akan bermula pada Isnin ini membabitkan kos RM1.3 bilion, kata Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Peter Chin Fah Kui.

31 Mei 2009 (Ahad)

Johor: Johor kesan projek rumah terbengkalai

Oleh Zalifah Mohd Yatim zalifah@hmetro.com.my

Kerajaan Negeri pastikan nasib pembeli dibela

LEDANG: Kerajaan negeri akan mengesan semua projek perumahan terbengkalai di negeri ini supaya masalah pengguna yang paling rumit untuk diatasi itu akan dapat diselesaikan bagi memastikan nasib pembeli, terbela. Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata masalah projek perumahan terbengkalai antara isu yang paling rumit untuk diselesaikan berikutan ia membabitkan banyak pihak seperti pemaju, bank dan pembeli. Bagaimanapun, beliau berkata, isu projek perumahan terbengkalai dalam perhatian dan kerajaan serius membantu dalam menangani masalah berkenaan dengan mengesan semua projek bermasalah di negeri ini supaya nasib rakyat yang terjerat dalam kes itu dibela.

Katanya, jika masalah projek perumahan terbengkalai tidak diberikan perhatian, pembeli berdepan masalah kerana terpaksa menjelaskan pinjaman bulanan yang dibuat walaupun rumah yang dibeli tidak siap. "Ada aduan diterima membabitkan projek perumahan terbengkalai yang berlaku di setiap daerah di negeri ini dengan kerajaan cuba membantu menyelesaikannya walaupun masalah itu rumit. "Projek perumahan di pekan Sungai Mati adalah antara yang terbengkalai sejak 10 tahun lalu yang diharap dapat diselesaikan dalam tempoh terdekat. "Sepatutnya masalah itu sudah diatasi lima tahun dulu... tetapi kerana ia membabitkan antara pemaju dan bank menyebabkannya tertangguh sehingga kini," katanya dalam ucapannya dalam Majlis Penutup Seminar Kesedaran Pengguna dan Pelancaran Penubuhan Persatuan Pengguna Ledang, di sini semalam.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Fomca, Mohd Yusof Abdul Rahman; Ahli Parlimen Ledang, Hamim Samuri dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Gambir, M Asojan. Dalam majlis itu, beliau turut menyampaikan sijil pelantikan ahli persatuan kepada Pengerusi Ahli Jawatankuasa Penaja Persatuan Pengguna Ledang, Senator Ahmat Yusop. Selain itu, katanya, penubuhan kali pertama persatuan itu diharap dapat membantu memberikan kesedaran mengenai isu kepenggunaan kepada masyarakat di sekitar daerah berkenaan. "Kita harap dengan ada persatuan pengguna, masyarakat di daerah ini akan didedah dan diberikan kesedaran supaya lebih bijak dalam membuat pilihan bagi mengelak berlaku pembaziran," katanya.